

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 OKTOBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

Pupuk upaya negara depani IR4.0

# Pupuk upaya negara depani IR4.0

Pelan Induk baharu Taman MRANTI fokus teknologi terkini

KUALA LUMPUR


**P**elan Induk baharu Taman MRANTI akan memupuk keupayaan Malaysia dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, pelan induk itu juga memberi fokus kepada teknologi terkini daripada sistem internet benda (IoT), perkhidmatan Protokol Internet (IP) dan makmal kepada kemudahan pembuatan kontrak dengan teknologi canggih.

"Taman MRANTI ini dilengkapi infrastruktur moden termasuk jalur lebar berkelajuan tinggi dan teknologi 5G serta insentif dan peluang pembiayaan, juga direka untuk menarik golongan profesional muda serta mewujudkan laluan yang stabil bagi bakat berkemahiran tinggi.

"Ia dijangka dapat mencipta lebih 8,000 peluang pekerjaan baharu dan ini adalah berita baik untuk seluruh Keluarga Malaysia," katanya sempena Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman MRANTI di Mranti Park, Bukit Jalil di sini pada Khamis.

Menurut Perdana Menteri, dengan lokasi yang terletak kira-kira 15 kilometer dari Bandar Malaysia, Taman MRANTI berperanan menyelaras keluaran penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke pasaran menerusi ekosistem bersepadu, yang memusatkan semua



Ismail Sabri melawat pameran inovasi pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman MRANTI dan penjenamaan semula MIMOS Berhad kepada MIMOS Global di MRANTI Park pada Khamis.

aktiviti teknologi serta inovasi secara setempat.

Beliau berkata, Taman MRANTI juga menyaksikan kerjasama dengan lima koridor ekonomi iaitu Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC), Iskandar Malaysia dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dalam mempromosi serta mengguna pakai keluaran teknologi R&D dan pengkomersialan.

Katanya, kawasan seluas 277.61 hektar itu juga menarik minat banyak syarikat teknologi termasuk Intervenn Biosciences, Dedikasi Aba Biosciences, BoomGrow, Spygene Laboratories, Vivantis Technologies dan Reszon.

Selain itu, Ismail Sabri menjelaskan, lima kluster teknologi sedang dibangunkan di Taman MRANTI iaitu

teknologi dron, pertanian, kesihatan, biosains dan pemboleh 4IR dengan anggaran nilai pembangunan kasar sebanyak RM20 bilion.

Menurutnya, lima kluster teknologi itu juga dijangka membawa nilai pulangan sebanyak RM2.8 bilion melalui pajakan tanah oleh MRANTI kepada pelabur.

"Usaha ini akan dipacu MIMOS Berhad untuk bantu negara jana nilai tambah yang tinggi daripada aktiviti pembangunan dan pengkomersialan teknologi khususnya dalam sektor Elektrik & Elektronik (E&E).

"Sektor E&E adalah penyumbang terbesar kepada eksport negara dengan nilai sebanyak RM455.7 bilion pada tahun lalu," katanya yang turut mengumumkan penjenamaan semula MIMOS Berhad kepada MIMOS Global bagi melambangkan imej baharu lebih meluas. *-Bernama*